

Pelajar 10 sekolah pendidikan khas Hilir Perak meriahkan temasya sukan

Teluk Intan

Seramai 717 pelajar orang kelainan upaya (OKU) menyertai kejohanan balapan dan padang pendidikan khas peringkat daerah Hilir Perak di sini, baru-baru ini.

Pelajar 10 sekolah rendah dan menengah itu menyertai 15 acara sukan 25, 50, 100, 200, 400 meter secara solo dan berpasukan.

Majlis perasmian disempurnakan Pegawai Belia dan Sukan Daerah Hilir Perak Burhanuddin Daud mewakili Pengerusi Belia, Sukan dan Sumber Manusia Negeri Datuk Shahrul Zaman Yahya.

Turut hadir sama Pegawai Pendidikan Daerah Hilir Perak Sulaiman Shamsuddin.

Dalam ucapannya Burhanuddin berkata menerusi acara sukan, pelajar dapat mengasah bakat dan keupayaan mereka mencapai kecemerlangan.

Gilap bakat pelajar OKU



PEMENANG bergambar bersama pingat dimenangi.

"Mereka juga dapat membina sahsiah diri yang berdisiplin di samping melihat pertumbuhan dari aspek in-

telek, jasmani, rohani, emosi dan sosial.

"Melalui kejohanan ini, Pendidikan Khas Hilir Perak

menyuntik semangat bagi mencapai kejayaan dalam acara balapan dan padang," katanya.

Beliau berkata, kejohanan berkenaan dapat menyemarakkan lagi semangat persaingan sihat dalam kala-

ngan pelajar serta menggilap bakat istimewa dalam bidang sukan yang penuh mencabar itu.